

Beri peluang lebih ramai tunai haji

SAUDARA PENGARANG,

TERIMA kasih kepada Kerajaan Arab Saudi dan syabas kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah mengutuskan surat rasmi memohon kepada Raja Arab Saudi, Raja Salman AbdulAziz Al-Saud untuk mendapatkan tambahan kuota haji tahun ini yang membolehkan ramai lagi jemaah dapat menunaikan ibadat kelima rukun Islam itu.

Begitu juga menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mengadakan lawatan rasmi ke Arab Saudi atas jemputan baru-baru ini. Baginda sendiri menyuarakan hasrat untuk mendapatkan kuota tambahan itu dan nampaknya telah diperkenankan oleh Raja Salman. Diharapkan kuota tambahan yang diberikan itu akan dikekalkan pada musim haji akan datang.

Kuota itu diperoleh atas dasar hubungan baik Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi selain menilai sikap jemaah Haji Malaysia yang begitu berdisiplin apabila berada di tanah suci setiap kali musim haji.

Begitu juga diucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mengutamakan jemaah yang menunggu



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalaman dengan bakal jemaah haji pada majlis mengucapkan selamat Jalan ke Tanah Suci Musim Haji 2019 di Kompleks Tabung Haji, Sepang, baru-baru ini. - BERNAMA

giliran untuk menunaikan haji memandangkan semua kuota khas untuk menteri dan wakil rakyat serta orang kenamaan yang lain tidak lagi dibenarkan. Begitu juga diharapkan agar pakej khas untuk jemaah yang ingin menunaikan haji berulang kali melalui syarikat swasta juga sepatutnya dimansuhkan.

Syabas diucapkan kepada Lembaga Tabung Haji yang dapat mengekalkan kos menunaikan masih pada kadar sama RM9,980 apabila setiap

jemaah diberikan subsidi sebanyak RM12,920. Harga kos untuk menunaikan Haji di negara ini adalah yang paling rendah berbanding negara-negara jiran di rantau ini yang rata-ratanya mencecah lebih daripada RM20,000. Kita doakan agar Tabung Haji bertambah maju dan diberkati.

**SYED ABDULLAH
SYED OSMAN**
Ampangan, Seremban